

Mega Merah Masuk ke Istana

Matahari terbenam di balik tunggul-tunggul yang bercerancangan di tepi pantai, seperti sekawan kambing yang membatu di tempatnya masing.... dan pada waktu tersebut tiba-tiba muncul dari balik tunggul-tunggul itu dua orang penunggang kuda di kota Adrianopolis yang letaknya berhampiran dengan pantai laut kota kukuh yang dipagari oleh benteng-benteng tebal kebal yang tidak mudah akan ditembusi oleh musuh....

Salah seorang daripada penunggang kuda itu menoleh rakannya sambil berkata:

“*Al-ḥamduli ‘Lāh!* Kita telah sampai ke tempat yang kita tuju, aku khawatir kita akan bertemu dengan malam sebelum kita sampai ke tempat yang dituju, terpaksa pula kita akan bermalam di tengah-tengah padang belantara yang liar itu....*al-ḥamduli ‘Lah!*”

Teman yang diajak bercakap itu lalu menjawab dengan suaranya yang halus:

“Allah sentiasa mengkabulkan doa ayah, kerana ayah terjumlah daripada wali-wali Allah yang soleh!”

“Kita akan singgah pertama kali sebagai tetamu kepada Maulana Sultan yang meminta aku datang ke sini, kemudian tidak lama lepas itu kita akan mencari rumah untuk tempat tinggal kita.”

“Tetapi kalau Maulana Sultan menitahkan supaya ayah ke medan perang....?”

“Ya, aku terpaksa patuh dengan segala titah perintahnya, kerana aku orang yang dipercayai oleh Maulana Sultan.”

“Memang pada tempatnya Maulana Sultan menaruh kepercayaan kepada ayah.... telah berapa kali saya lihat ayah menyelamatkan Maulana Sultan daripada merbahaya-merbahaya¹, dan berapa kali ayah melarangnya untuk melakukan sesuatu yang telah ayah tahu lebih dahulu melalui ilmu ghaib, dan berapa kali ayah dapat menelah apa *ta‘bīr* mimpi yang diimpikan mereka dan apa yang ayah telah itu memang benar-benar berlaku, hingga mendahsyatkan orang ramai.”

“Benar apa katamu Ni‘mah, dan aku harap mudah-mudahan Allah sentiasa menolong dan memberkati aku.”

Penunggang kuda yang seorang itu telah menanggalkan alas kepalanya, maka terhurailah rambut kuning panjang berwarna keemas-emasan itu.... ditiup bayu petang itu. Iaitu ialah seorang wanita jelita yang berumur dalam kawasan tiga puluh tahun, sedang seorang lagi yang menjadi temannya dalam perjalanan itu ialah seorang tua lelaki yang telah melebihi enam puluh tahun umurnya.

Orang tua lelaki itu dari keturunan orang-orang Arab, sedang wanita jelita itu ialah dari negeri Serbia, kedua mereka itu dalam perjalanan ke kota Adrianopolis, kota yang baharu ditakluki oleh kerajaan ‘Uthmāniyyah dijadikan tempat kediaman rajanya

¹ Sama seperti marabahaya.

Sultan Murād yang pertama serta dijadikan ibu negeri bagi negara-negara yang diperintah dan di bawah takluknya lalu dinamakan kota itu “Adriana¹”, di negeri Turki.

Tetapi apa pula yang menyebabkan orang tua bangsa Arab itu dapat bergaul dengan wanita jelita dari bangsa Serbia di dalam negeri Turki....?

* * *

Orang tua itu bernama Ibrāhīm al-Baṣrī, di masa muda-mudanya dahulu terkenal sebagai seorang pemuda yang suka mengembara merantau dan menempuh pelbagai kesukaran yang sengaja mahu dialaminya. Ia telah meninggalkan tanah air “Basrah” menjelajah negeri hingga sampailah ia ke bandar “Bursa” ibu negeri bagi kerajaan ‘Uthmāniyyah di zaman Sultan Orhan, di sana ia telah mula beramal ibadah, namanya kemudian dikenal sebagai seorang ulama yang disegani dan amat dihormati oleh keluarga diraja kerajaan ‘Uthmāniyyah, hingga oleh ketua-ketua tentera dan oleh orang ramai. Kerana ia seorang yang tahu ilmu ghaib, tahu meramalkan apa yang akan berlaku kepada seseorang dengan melihat tapak tangan seseorang, dan dapat pula men-*ta’bīr*-kan mimpi, sedang segala nasihatnya mengenai agama atau dunia semuanya didengar orang dan menarik perhatian orang.

Orang tua itu telah beristeri dengan seorang wanita bangsa Turki, dan telah dikurniakan dua orang anak lelaki, hingga apabila kedua-dua anak itu telah muda remaja, kedua-duanya mempunyai sifat-sifat kegagahan dan keberanian seperti ayahnya, lalu memasuki serta menjadi tentera kerajaan ‘Uthmāniyyah yang pada masa itu

tidak putus-putusnya mengadakan perjuangan-perjuangan yang diakhiri dengan kejayaan-kejayaan yang gilang-gemilang.

Pada tahun 761 Hijrah bersamaan tahun 1360 Masihi, Murād yang pertama telah dilantik menjadi raja menggantikan ayahandanya yang telah meninggal dunia dan perjuangan di medan perang diteruskan oleh anaknya itu, hingga dapatlah ia menakluki kota Adrianopolis, lalu diperintahkan supaya dibina sebuah istana baharu di kota itu dan berhampiran istana baharu itu diperintahkan supaya dibina pula sebuah masjid yang hingga kini terkenal dengan namanya.

Kemudian terus-menerus Maulana Sultan beroleh kejayaan yang gilang-gemilang, hingga dapat pula ia mengalahkan empayar Palaiologos dan Raja Serbia, Bulgaria dan lain-lain negeri lagi. Dan barang di mana sahaja ia beroleh kemenangan dan kejayaan, tidak lupa ia memerintahkan supaya dibina binaan-binaan hingga ialah dianggap salah seorang sultan dalam kerajaan ‘Uthmāniyyah yang paling berjaya dan banyak meninggalkan kesan-kesan sejarah di zaman kebesaran kekuasaan Islam di seluruh dunia.

Dalam suatu peperangan yang berlaku di antaranya dengan puak Serbia, Sultan Murād yang pertama telah mendapat kejayaan yang gilang-gemilang, kembalilah tentera-tentera kerajaan ‘Uthmāniyyah dengan segala kemegahannya, membawa beberapa banyak harta dan orang tawanan daripada lelaki dan perempuan. Dan dalam peperangan inilah salah seorang anak kepada Ibrāhīm al-Baṣrī yang bernama “Sa‘ad” telah gugur di medan pertempuran, tetapi anaknya yang seorang lagi bernama “Mas‘ūd” selamat beserta dengan tentera-tentera yang menang. Kembalilah ia menemui ayahnya yang telah tua itu

¹ Merujuk kepada Edirne.

dengan harta-harta yang didapati dari bahagiannya dalam perang itu, dan dibawanya serta seorang gadis tawanannya gadis jelita dari puak Serbia....

Adapun gadis jelita itu di medan perang ditemani oleh abangnya "Simeon Vuch", bila melihat angkatan tentera bangsanya alah dan adiknya tertawan, ia tidak menolong adiknya, malahan melarikan diri untuk menyelamatkan dirinya sendiri.... kerana kebaculan abangnya yang tidak disangka-sangkanya terlebih dahulu, menyebabkan gadis jelita itu membenci abangnya dan membenci puaknya yang tidak bersemangat itu....

Bila sampai ia di hadapan orang tua ayah kepada pemuda gagah yang menawannya itu, dilihat si ayah amat bergirang hati menyambut persembahannya anaknya sebagai seorang tentera yang gagah berani dan menang di medan perjuangan, dan ia melihat bagaimana si ayah amat berdukacita dan menangis tersedu-sedu mendengar apa yang berlaku kepada anaknya yang seorang lagi....

Kemudian dilihatnya orang tua itu menadangkan kedua tangannya dan memeluk anaknya dengan sebelah tangannya, manakala sebelah tangannya yang lain memeluk dirinya sendiri. Ayah tua itu membuatnya bukan sebagai seorang tawanan... Malahan ia meminta persetujuan daripada anaknya dan daripada dia sendiri supaya menjadi suami isteri... Permintaan orang tua itu disetujui kedua belah pihak oleh anaknya dan oleh gadis jelita itu. Gadis itu merasa lebih bahagia, kerana ia bukan lagi dijadikan sebagai hamba tawanan, tetapi ia dilakukan sebagai isteri kepada pemuda itu dan sebagai anak

menantu kepada orang tua yang baik hati.

Tetapi malang tidak berbau.... kebahagiaan yang dirasakan oleh gadis jelita tidak kekal, kerana pada suatu hari sedang suaminya keluar berburu, dengan tidak semena-mena ia dibawa kembali ke rumah ayahnya setelah menjadi mayat, kerana ia diterkam oleh seekor serigala buas yang menyebabkan kematiannya dengan serta-merta, padahal perkahwinan mereka baharu dalam tiga bulan.

Tinggallah gadis puak Serbia itu bersendirian dengan ayah mertuanya yang sentiasa berdukacita. Maka tertumpahlah kasih sayang si ayah tua itu kepadanya seorang sebagai ganti kedua-dua anaknya yang telah mendahului dia pergi ke alam baqa. Sejak itu pula si ayah menamakan gadis jelita itu dengan "Ni'mah" yang mengandungi pengertian bahawa adanya gadis jelita itu di sampingnya dalam sebuah rumah ialah sebagai "nikmat" yang sengaja didatangkan oleh Allah kepadanya, kerana kalau dengan ketiadaannya tentu ia akan merasa keseorangan yang membawa kehancuran hatinya setelah anak-anaknya "Sa'ad" dan "Mas'ud" meninggal dunia.

Hiduplah kedua ayah mertua dengan anak menantu itu dengan damainya dalam sebuah rumah tangga. Si anak sentiasa menyediakan makanan dan persiapan-persiapan yang dikehendaki oleh orang tua itu, dan si ayah sentiasa dalam beribadah dan mendekati dirinya kepada Tuhan, hingga kerana khusyuknya ia dalam ibadah-ibadahnya, dikurniakan oleh Tuhan ilmu-ilmu ghaib yang dapat meramalkan atau menelaah apa yang akan berlaku....

* * *

Sultan Murād yang pertama, sengaja menjemputnya bila ia membuka sesebuah kota atau bandar baharu yang dapat dialahkannya dan kadang-kadang Sultan sendiri datang mengunjungi orang tua itu di pondok kecilnya untuk meminta doakan supaya ia menang dalam peperangan yang akan dihadapinya, atau untuk meminta fikiran daripada orang tua yang dianggap *karāmah* itu.

Pada kali ini, Sultan menjemputnya supaya orang tua itu mahu duduk menetap di bandar “Edirne”, pada mulanya orang tua itu menolak, kerana ia lebih suka duduk diam di tempat di mana segala kenangan-kenangan lamanya tidak luput, sedang bumi tempat ia berpijak itulah dianggapnya tempat dijatuhkan “nikmat” bila ia dapat bertemu dengan gadis jelita yang sekarang ini benar-benar melayaninya sebagai anaknya sendiri. Tetapi setelah beberapa kali ia dipaksa oleh Sultan, ia tidak dapat mengelakkan daripada permintaan Sultan yang berkali-kali itu. Lalu berangkatlah ia ditemani oleh anak menantunya yang setia ke “Edirne” setelah ia membahagi-bahagikan segala perkakas rumahnya kepada orang-orang fakir dan miskin sebelum ia bertolak ke Edirne.

Sampailah orang tua itu dengan menantunya ke istana dan buat beberapa hari sebelum ia dikurniakan sebuah rumah oleh Sultan ia dan anaknya telah duduk di istana yang baharu dibina oleh Maulana Sultan yang menghadap ke Laut Hitam (Laut Tengah).

Masa berlalu dengan cepatnya, Sultan Murād dengan kejayaan yang terus-menerus dan berturut-turut itu, telah dapat mengadakan lagi beberapa ketumbukan tenteranya yang akan dibawa ke medan perang meneruskan cita-citanya menakluki negeri-negeri yang belum di bawah kekuasaannya. Orang tua yang soleh itu meramalkan pula bahawa Sultan akan dapat menaklukkan lagi dua puluh bandar-bandar besar di sebelah Serbia dan Bulgaria, apa yang telah diramalkannya itu memang benar-benar berlaku.... kemudian diramalkan pula bahawa Maulana Sultan akan dapat meluaskan lagi penaklukannya dalam lima benua di Eropah dan di Asia, apa yang diramalkan oleh orang tua itu benar-benar berlaku.

Pada suatu hari Maulana Sultan Murād telah mengunjungi tempat kediaman Syeikh Ibrāhīm orang tua itu, dan menceritakan kepadanya bahawa pada malam itu ia telah bermimpi ada beberapa gumpalan mega merah turun dari langit lalu memasuki istananya. Impiannya itu di-*ta’bīr*-kan oleh Syeikh Ibrāhīm dengan mengatakan bahawa itu adalah satu ilham yang mendatang dari langit untuk Maulana Sultan menjadikan lambang kebesaran kerajaan ‘Uthmāniyyah. Dari sejak itu Maulana Sultan Murād yang pertama memerintahkan supaya bendera-bendera kerajaan ‘Uthmāniyyah dibuat dalam warna merah.....

(Buah tangan: Habib Jamati dari majalah

“*al-Muṣawwar*”).



Puan “Elizabeth M” sedang mendengar dengan rasa khusyuk dan tawaduk kata nasihat yang berharga dari Tuan Syeikh al-Azhar Tuan Mahmud Shaltut sejeurus selepas mengiklankan Islamnya di hadapan beliau dan menukar namanya dengan nama “Fatimah Khurshid”.

Sambungan dari muka 10

lain-lainnya kerana dengan cara menyiksa diri itu sahajalah nafsu manusia dapat dibersihkan... demikianlah mengikut pelajaran Brahma.

Dengan menyeksakan diri ini jadi kuruslah badannya hampir tidak berdaya lagi untuk hidup, akhirnya dia terbuka dan makan. Setelah dia makan dirasanya tubuhnya menjadi segar dan fikirannya pula menjadi terang dan dapat berfikir dengan lebih sempurna. Oleh itu ditinggalkannya segala amalan menyiksa diri itu dan memilih “jalan pertengahan” – tidak bermewah-mewah dan tidak menyiksa diri.

Dia telah dianggap kecewa untuk mendapatkan kebahagiaan hidup oleh 5 orang Brahma yang bersama-sama mengembara dengannya dan pernah pula menjadi gurunya.

Tetapi pada suatu ketika setelah 7 tahun mereka berpisah dan bertemu semula mereka telah berbalik

mengikuti pengajaran-pengajaran Siddharta Gautama yang telah bergelar “Buddha” itu.

Buddha mengatakan: Ada dua jalan yang perlu dijauhi.

1. Hidup mewah, kerana dia merupakan hidup keaku-keakuan yang hina. 2. Hidup menyiksa diri yang tak patut dilakukan orang yang mahu hidup.

Tinggalkanlah keduanya kerana tidak dapat menyampaikan kepada hidup yang baik.

Buddah mengajarkan 8 wasiat: 1. Percaya kepada kebenaran.

2. Bertindak yang benar. 3. Bercakap yang benar. 4. Berlaku yang benar. 5. Berbuat yang benar. 6. Berusaha yang benar. 7. Merenungkan yang benar. 8. Memusatkan yang benar dan ini tak dapat dilakukan melainkan dengan mengikuti peraturan yang 7 itu.

Pernah ia memberikan 5 wasiat kepada seorang perempuan yang kematian anak dengan pesanan: 1. Jangan

membunuh segala yang hidup. 2. Jangan mencuri atau mengambil yang tidak diberikan orang. 3. Jangan sekali-kali berdusta. 4. Jangan berdiri di atas kekejian. 5. Jangan menjadikan diri mabuk pada sebarang masa.

Pengajaran Buddha ini telah dijadikan orang panduan hidup yang bertukar menjadi agama. Tetapi setelah Buddha mati dalam usia 80 tahun. Pengikut-pengikutnya telah terbagi dua. Satu pihak “mempertuhkannya” dan yang satu pihak masih menganggapnya sebagai “seorang pendeta” atau wali yang dimuliakan.

Pengajaran Buddha melarang menyembah berhala dan segala sesuatu, melarang mempersembahkan korban-korban kepada berhala. Tetapi setelah matinya pengikut-pengikutnya telah menganggapnya pula dia sebagai tuhan dan mempersembahkan di hadapan patungnya beraneka macam persembahan sebagai korban.

Pengikut-pengikutnya yang telah mempertuhkannya itu tak dapat bertahan di India, kebanyakannya telah merantau-rantau ke timur dan selatan India yang meliputi negeri Burma, Siam, Ceylon, Nepal, negeri China, Jepun hingga Kepulauan Melayu terutama di Jawa dan di Bali. Tetapi agama Buddha itu telah beragam-ragam dan bermacam-macam pula coraknya.

Ada juga pengikut Buddha yang tidak mempertuhkannya hanya menganggapnya sebagai seorang pendeta yang suci, tetapi bilangannya sangat sedikit di selatan India. Bahkan penduduk India telah berbalik semula menganut agama Hindu sebagai agama rasmi kebanyakan para pemerintahnya.

* * *

Janti¹.

Janti ialah nama suatu agama yang dianut oleh orang-orang India sebagaimana orang-orang India menganut agama Buddha. Diwujudkan agama Janti ini hampir bersamaan dengan wujudnya agama Buddha. Kalau agama Buddha itu berasal dari Siddharta Gautama yang kemudian digelar Buddha, maka Janti berasal dari seorang anak raja yang bernama “Mahavira”.

Biografi anak raja ini pun hampir sama dengan biografi Buddha. Dan ia meningkat sebagai pendeta yang mencari kesucian jiwa dengan cara mengembara dan belajar dari memperhatikan keadaan alam.

Pengikut-pengikutnya pernah mengatakan bahawa agama atau pengajaran yang dibawa olehnya adalah “agama yang azali” yang tak berpermulaan dan tak berkesudahan yang telah hidup semenjak bermilion-milion tahun. Kerana pengajarannya bukan manusia saja boleh faham bahkan semua makhluk yang bergerak memahaminya – sejak dari burung, tanaman-tanaman pokok-pokok kayu pun memahaminya. Kerana mengajarkan suatu akidah bahawa tiap-tiap sesuatu itu mempunyai roh, dialah nikmat yang sebesar-besarnya di muka bumi, maka tidaklah boleh membunuh mereka untuk mencari kelazatan diri.

Mengikut agama Janti; dilarang bertanam, kerana bertanam itu mengoyak bumi dan membunuh cacing.

Tak boleh minum madu, kerana madu itu makanan lebah.

Tak boleh memasak air, kerana ditakuti boleh membunuh binatang-binatang yang di dalamnya.

¹ Merujuk kepada Jainism.

Tak boleh menebang pokok atau membakar sesuatu supaya tidak terbakar lalat atau nyamuk.

Hendaklah menutup mulut dan hidung yang menahan waktu bernafas supaya tidak terikut binatang-binatang halus masuk hidung lalu mati.

Jangan makan daging binatang atau menyembelihnya atau mengorbankannya.

Jika seseorang ingin menjadi seorang Janti yang sejati hendaklah menjadi pengasuh dan pembela binatang yang telah tua atau sedang sakit.

Pengajaran Janti juga mempunyai wasiat atau rukun sebanyak tujuh perkara di antaranya ialah:

Berjanji untuk berakhlak yang baik, menjauhkan berakhlak yang buruk, berlaku warak tidak mengganggu atau menyakiti, sedikit bergerak, sedikit bercakap, dan sedikit berfikir yang mengenai perkara-perkara keduniaan, hendaklah mengasihi diri dengan sifat-sifat yang mulia seperti pemaaf, benar, lurus, tawaduk, bersih, pelihara diri, menjauhi kelazatan dan kemewahan dan menjauhi perempuan dan lain-lainnya.

Sekali pandang kepercayaan mereka sesungguhnya merupakan kepercayaan yang sangat ganjil, tetapi bagi mereka itulah yang menjadi pegangan hidup berdasarkan, kasih sayang, belas kasihan dan pembersihan jiwa.

Confucius

Mengikut kepercayaan orang-orang Cina, bahawa sebelum alam ini wujud, tak ada sesuatu yang wujud. Akhirnya setelah beberapa lama, wujudlah satu makhluk yang mereka gelarkan dengan nama "P'an Ku".

Mengikut kepercayaan mereka "P'an Ku" itu sesuatu makhluk yang berkepala naga, berbadan ular, dapat menjelma berbagai-bagai rupa yang ada dalam alam ini semenjak 2,229,000 tahun sebelum Nabī 'Isā dan telah hidup selama 18,000 tahun.

Ketika dia mati, berkumpullah nafasnya menjadi angin dan awan, suara rintihannya menjadi petir dan guruh, darahnya menjadi anak sungai, peluhnya menjadi hujan, tulangnya menjadi batu, giginya menjadi benda-benda galian, bulunya menjadi hutan dan tumbuh-tumbuhan, dagingnya menjadi tanah, kepalanya menjadi gunung, mata kirinya menjadi matahari, dan mata kanannya menjadi bulan, sedang kutu-kutu yang di tubuhnya menjadi manusia. Demikianlah hakikat kejadian alam mengikut kepercayaan orang-orang Cina.

Kemudian datanglah orang-orang kayangan memerintah di muka bumi selama seratus tahun menciptakan manusia yang asalnya dari kutu-kutu naga itu diajar dari manusia yang liar menjadi manusia yang bertamadun.

Ada pun orang kayangan yang mula-mula mengajar manusia kira-kira pada tahun 2838 sebelum Nabī 'Isā bernama "Fu Xi". Orang kayangan Fu Xi ini mempunyai seorang adik perempuan bermuka manusia dan berbadan

* * *

ular bernama “Nu Kau Xi¹” dialah yang menyelamatkan alam ini.

Orang-orang Cina pada masa itu umumnya memuja kekuatan alam – seperti lain-lain bangsa pada masa itu – terutama tentang pemujaan nenek moyang. Arwah kaum keluarga mereka yang sudah mati dianggap turut menerima bahagian dari sajian-sajian atau korban-korban yang mereka persembahkan. Peranan penting yang dipegang oleh ahli kubur dalam kehidupan anak cucu itulah tanda utama dari agama serta kebudayaan orang-orang Cina. Roh-roh yang mereka puja mereka anggap mempunyai daya dan kuasa yang dapat memberi bahagia dan dapat pula memberi celaka.

Di antara tuhan yang mereka sembah itu bernama “Shang Ti”, tuhan yang maha adil dan tuhan dari segala roh yang menguasai alam. Namun ada lagi tuhan yang paling tinggi darjatnya daripadanya iaitu tuhan langit yang dinamakan “Tian”.

Dialah tuhan dari segala tuhan kerana dialah yang memerintah hujan, angin dan petir. Di samping itu mereka juga memuja matahari, bulan, angin, hujan, api, petir, gunung, sungai dan lain-lain lagi yang semuanya itu mereka anggap mempunyai roh-roh yang suci.

Kelahiran Confucius

Dia anak seorang panglima perang bernama “Shu-liang He” yang telah putus asa kerana mempunyai 9 orang anak semuanya perempuan, tak ada anak lelaki yang diharapkannya kelak boleh memuja rohnya selepas mati.

Setelah berumur 70 tahun dia kawin dengan seorang perempuan bernama “Zhengzai” yang kemudiannya mendapat anak lelaki diberi nama “Zhimu Kong²” dan dia inilah “Confucius”.

Setelah Confucius berumur 3 tahun bapanya mati dan dipelihara oleh ibunya yang hidup melarat. Namun ibu itu telah mendidik anaknya dengan sempurna dan berpelajaran cukup berkat rajin dan tekunnya di samping mempunyai kecerdikan yang luar biasa.

Waktu umurnya 19 tahun dikahwinkan, dan kerjanya menjadi penjaga gudang makanan.

Setelah mendapat anak kehidupannya semakin perit yang miskin ia berusaha lagi menambahkan ilmu pengetahuan dalam jurusan syair, muzik dan tarikh. Akhirnya dapat menjadi guru, dan rumahnya dijadikan sekolah tempat mengajar murid-muridnya. Murid-muridnya semakin banyak dan semakin lama namanya menjadi masyhur, maka pada ketika itulah dia diberi gelaran “Filsuf Kong” atau Kong Fu Zi yang akhirnya telah berubah menjadi Con-Fu-Cius.

Nama Confucius semakin bertambah naik bila berlaku suatu peristiwa yang menyedihkannya dengan kematian ibunya yang sangat dikasihinya. Dia merana, membawa hati yang duka, melupakan segala sesuatu yang ada di sekelilingnya, waktunya dihabiskan hanya untuk meratapi ibunya. Tiga tahun dia berkabung seperti itu.

Setelah habis masa berkabung, bangunlah ia kembali meneruskan tugasnya mengajar sehingga menjadi

¹ Perkataan sebenar ialah Nu Kua Hsi.

² Merujuk kepada Kongzi (nama sebenar Confucius).

mahaguru tempat mengambil ilmu yang didatangi oleh murid-muridnya yang semakin banyak. Ketika umurnya 34 tahun ditafsirkan muridnya berjumlah 3,000 orang, dan setelah berumur 50 tahun semakin banyak. Cara ia mengajar hampir serupa dengan cara filsuf Suqrāt¹ filsuf bangsa Greek yang termasyhur itu, iaitu mengajar dengan cara lisan, duduk di atas pentas yang dikelilingi oleh murid-muridnya.

Adalah diceritakan, seorang perempuan datang kepadanya dengan menangis sambil menceritakan tentang anak dan suaminya yang telah mati dimakan harimau. Bila ditanya mengapa mereka tinggal di tempat yang ada harimau? Dijawab oleh perempuan itu bahawa di tempatnya tidak ada hakim yang zalim. Maksudnya: Mereka tidak mendapati tempat tinggal yang diperintah oleh hakim yang adil kecuali tinggal dalam kawasan yang lebih aman walaupun bersama-sama dengan sekawan harimau.

Mendengar itu Confucius menyuruh murid-muridnya supaya menuliskan dalam pelajaran “bahawasanya hakim yang zalim itu lebih berbahaya dari harimau yang ganas”.

Di antara pengajaran-pengajarannya ialah mengasihi binatang. Dia tak pernah memakai baju sutera walhal banyak orang memakainya dengan alasan katanya “Saya tak suka membiarkan diri saya membunuh ulat untuk mendapatkan suteranya yang kemudian saya jadikan pula baju.”

Juga dia tidak minum susu, kerana katanya “Susu itu adalah hak kepunyaan bayi, binatang dan ternak”.

Juga dia berbangga kerana tak pernah menangkap ikan atau memburu binatang. Bolehlah dikatakan keseluruhan pengajaran Confucius itu lebih dekat kepada akhlak, adab dan kesusilaan daripada pengajaran agama, kerana dia tidak pernah memperkatakan tentang tuhan atau langit, nirvana atau neraka sebagai yang terdapat pada agama Hindu, Buddha Janti dan lain-lainnya. Hanyalah pengajaran yang memberi tuntutan bagaimana seorang itu mesti berbuat baik.

Di antara kata-kata sakti yang diucapkannya berbunyi:

“Jika engkau mengetahui sesuatu, peganglah bahawa engkau mengetahui. Dan jika tak tahu, akuilah yang engkau tak tahu, kerana semua tadi pada hakikatnya adalah pengetahuan.”

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM

856/858, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

¹ Merujuk kepada Socrates.